

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 ( 20 )



---

## **SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 1 TAHUN 2023**

---

### **GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)**

**Pejabat Bendahari**

13 Januari 2023

**Disalinkan kepada :**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Pegawai-Pegawai Kanan

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 ( 20 )

13 Januari 2023

## **SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 1/2023**

### **GARIS PANDUAN PENJIMATAN PERBELANJAAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)**

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka untuk mengguna pakai Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Sepanjang tempoh pandemik COVID-19, Kerajaan telah menyediakan kemudahan bantuan dan pakej rangsangan ekonomi berjumlah RM530 bilion untuk merangsang dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Namun demikian, ketidaktentuan ekonomi global telah mengakibatkan tekanan inflasi tinggi ditambah dengan harga komoditi global dan makanan yang telah meningkat secara mendadak. Perkembangan ini menjejaskan pemulihan ekonomi serta kesejahteraan rakyat dalam menghadapi peningkatan kos sara hidup.
- 2.2 Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah mengambil langkah untuk melaksanakan subsidi barangan perlu (essential goods) serta kawalan harga bagi mengurangkan impak inflasi dunia kepada negara dan rakyat. Dengan itu, Kerajaan seharusnya melaksanakan langkah-langkah penjimatan perbelanjaan bagi membantu membiayai sebahagian perbelanjaan tambahan berkaitan subsidi demi kesejahteraan rakyat.

- 2.3 Kementerian/Jabatan/Agensi/Badan Berkanun Persekutuan/CLBG dikehendaki melaksanakan penjimatan dalaman untuk menentukan semua perbelanjaan adalah selaras dengan prinsip-prinsip dan peraturan yang ditetapkan bagi pengurusan kewangan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) dari semasa ke semasa.

### **3.0 PENJIMATAN PERBELANJAAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)**

- 3.1 UTeM telah mengambil pendekatan ini untuk melaksanakan cadangan mengguna pakai garis panduan penjimatan perbelanjaan awam dengan pindaan mengikut pengkelasan seperti berikut :

#### **3.1.1 Perjawatan**

- i. Gaji & Upahan, Elaun Tetap dan Sumbangan Berkanun;
- ii. Penyusunan Semula Organisasi/Pertubuhan Badan Berkanun/CLBG; dan
- iii. Elaun Lebih Masa

#### **3.1.2 Pembayaran**

- i. Pertukaran ke Luar Stesyen;
- ii. Perjalanan bertugas rasmi di dalam negeri;
- iii. Perjalanan bertugas rasmi ke luar negara;
- iv. Penginapan di dalam dan luar negara;
- v. Perbelanjaan utiliti;
- vi. Sewaan pejabat/peralatan pejabat;
- vii. Bekalan bahan mentah dan alat ganti;
- viii. Barang pakai habis;
- ix. Perkhidmatan Ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli;
- x. Perolehan aset baharu; dan
- xi. Penyumberluaran (*Outsourcing*)

#### **3.1.3 Perbelanjaan Pembangunan**

### 3.1.4 Penjanaaan Pendapatan

- i. Pelaburan luar negara; dan
- ii. Penggunaan Tabung Kewangan.

## 4.0 PEMAKAIAN

4.1 Pemakaian Surat Pekeliling Kewangan ini akan membatalkan :

4.1.1 Lampiran 7 – Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan.

4.2 Surat Pekeliling Kewangan ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

4.3 Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) adalah seperti di Lampiran 1 dan dicapai di laman sesawang Pejabat Bendahari iaitu

<https://pkpu.utem.edu.my/index.php/2-0-bahagian-pengurusan-bajet-pb/1850-lampiran-7-pk-4-2016-mengguna-pakai-1pp-pb-3-3-berkaitan-garis-panduan-langkah-langkah-mengoptimumkan-perbelanjaan-kerajaan/file>

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**KHAIRUL BIN TAIB**

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

NA/UnitBajet/SPKGPPenjimatan